

10 MAR 2000

Umno-Jawatan (Rangkuman)

UMNO TANAH MERAH ABAI NASIHAT MAJLIS TERTINGGI

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Nasihat Majlis Tertinggi Umno agar jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan nampaknya diketepikan oleh Umno Tanah Merah apabila bahagian itu mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah untuk kedua-dua jawatan tertinggi itu pada pemilihan parti Mei ini.

Walaupun menyedari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendapat pencalonan padu daripada 17 bahagian Umno yang sudah mengadakan persidangan perwakilan mereka sebelum ini, namun Umno bahagian Tanah Merah tetap mengambil jalan menentang arus itu atas alasan tertentu.

Pencalonan Tengku Razaleigh dicadangkan oleh ketua Umno bahagian itu, Datuk Hashim Safin dan disokong oleh majoriti 370 perwakilan yang hadir menerusi undian angkat tangan.

Tengku Razaleigh memperolehi undi terbanyak bagi pada undian pertama dan kedua.

Hashim menjelaskan kemudian bahawa keputusan Umno bahagian itu dibuat berdasarkan kenyataan Tengku Razaleigh yang sebelum ini membayangkan kesediaannya untuk bertanding mana-mana jawatan jika ada pihak bawahan mencalonkannya.

Tengku Razaleigh sebelum ini mendapat satu pencalonan bagi jawatan naib presiden daripada Umno bahagian Gerik yang mengadakan persidangan perwakilannya pada 5 Mac lepas.

Untuk bertanding jawatan presiden, Tengku Razaleigh memerlukan sokongan 30 peratus atau 50 daripada 165 bahagian Umno. Bagi jawatan timbalan presiden, beliau memerlukan sokongan 25 peratus daripada keseluruhan bahagian itu.

Kesemua 165 bahagian Umno dikehendaki menyelesaikan persidangan perwakilan mereka sebelum 31 Mac ini.

MT pada mesyuaratnya 3 Januari lepas telah menasihatkan anggota parti agar jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan bagi menjamin perpaduan parti.

Ia juga mencadangkan agar Dr Mahathir kekal di jawatan Presiden dan Abdullah mengambil alih jawatan kedua tertinggi parti itu.

Sebanyak 17 bahagian yang telah mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah bagi jawatan-jawatan itu ialah Ledang, Senai, Tenggera, Sungai Benut dan Segamat (Johor), Tawau, Papar, Penampang, Sipatang dan Bandau (Sabah), Batu Gajah dan Gerik (Perak), Jelutong dan Tasik Gelugor (Pulau Pinang), Batu Berendam di Melaka, Cheras di Wilayah Persekutuan dan Sik di Kedah.

Bagi jawatan naib pesiden, sembilan nama dicalonkan setakat ini iaitu penyandang Datuk Seri Najib Razak (17 pencalonan), Datuk Abdul Ghani Othman (13), Datuk Osu Sukam (7), Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad (4), Datuk Seri Abu Hassan Omar (5), Datuk Seri Syed Hamid Albar (3), Datuk Dr Rais Yatim (2), Tengku Razaleigh Hamzah (1) dan penyandang Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib (1).

Yang belum mendapat pencalonan setakat ini walaupun sudah memberi persetujuan bertanding jawatan itu ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Calon yang layak bertanding jawatan naib presiden perlu memperolehi 20 peratus sokongan daripada 165 bahagian parti.

Bagi pertandingan jawatan ketua Pergerakan Wanita Umno, persaingan hebat ialah antara Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri

Rafidah Aziz yang mendapat 22 pencalonan setakat ini sementara ketua pergerakan, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman mendapat 13 pencalonan.

Bagi jawatan naib ketua, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil terus mendahului dengan 22 pencalonan diikuti ketua wanita Perak Ainon Khariyah Mohd Abas (10) dan penyandang Datuk Napsiah Omar (3).

Bagi jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, pemangku ketua, Datuk Hishammuddin Hussein terus memperolehi sokongan padu daripada 41 pergerakan pemuda bahagian yang sudah mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing.

Bagi jawatan naib ketua, anggota Exco, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir memperolehi 36 pencalonan sementara pencabar-pencabarnya, Zein Isma Ismail (4) dan Mustapha Khalid (1).

PENCALONAN JAWATAN TERTINGGI UMNO

Jumlah bahagian 165 Jumlah Pencalonan pada 10 Mac

PRESIDEN:

1. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad - 17
 2. Tengku Razaleigh Hamzah - 1
-

TIMBALAN PRESIDEN:

1. Datuk Seri Abdullah Badawi - 17
 2. Tengku Razaleigh Hamzah - 1
-

NAIB PRESIDEN:

1. Datuk Seri Najib Tun Razak - 17
 2. Datuk Abdul Ghani Othman - 13
 3. Datuk Osu Sukam - 7
 4. Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad - 4
 5. Datuk Seri Abu Hassan Omar - 5
 6. Datuk Seri Syed Hamid Albar - 3
 7. Datuk Dr Rais Yatim - 2
 8. Tengku Razaleigh Hamzah - 1
 9. Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib - 1
-

Ketua Pemuda:

1. Datuk Hishammuddin Hussein - 41

Naib Ketua Pemuda:

1. Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir - 36
2. Zein Isma Ismail - 4
3. Mustapha Khalid - 1

Ketua Wanita:

1. Datuk Seri Rafidah Aziz - 22
2. Datuk Dr Siti Zaharah - 13

Naib Ketua Wanita

1. Datuk Shahrizat Abdul jalil - 22
2. Ainon Khariyah Mohd Abas - 10
3. Datuk Napsiah Omar - 3

-- BERNAMA

ARA PR